

▼02/06/15-32MST

CNS1141

U PB 02-06 00167 BH311

BAH

DR MAHATHIR SAMBUT BAK PBDS ANGGOTAT BN S'WAK

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyambut baik penyertaan semula Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) sebagai anggota komponen Barisan Nasional Sarawak.

"Ini ialah satu langkah yang baik," katanya ketika ditanya mengenai perkara itu selepas merasmikan Kompleks Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di Jalan Tun Ismail, di sini, hari ini.

Beliau berkata, keadaan itu berlaku hasil kesedaran di kalangan para pemimpin PBDS bahawa mereka akan memperolehi lebih banyak kejayaan dalam perjuangan mereka untuk masyarakat Iban dan Dayak dengan menyertai kerajaan negeri.

Perdana Menteri, yang juga Pengerusi BN, mengucapkan tabriah kepada tiga parti komponen BN negeri kerana tidak menaruh perasaan dendam terhadap PBDS dan sanggup menerima parti itu semula.

"Ini mencerminkan falsafah sebenar Barisan Nasional," kata beliau.

Ketiga-tiga parti itu ialah Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP). -- Bernama.

JO KAM.

▼02/06/15-34MST